



**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)
SECARA DALAM TALIAN
SISTEM LATIHAN PROGRAM BERTAULIAH (SLaPB) DI
BAWAH SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA**

1 JUN 2022

1.0 PENDAHULUAN

Pembelajaran secara dalam talian adalah merupakan suatu alternatif kepada pelaksanaan pembelajaran secara bersemuka yang seiring dengan perkembangan negara ke arah teknologi digital. Ini juga selaras dengan kenyataan media KSM untuk mencari solusi terbaik model pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang lebih efektif bagi Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) agar seiring dengan teknologi terkini serta dapat dimanfaatkan kepada pelatih.

2.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada Pusat Bertauliah (PB) awam dan swasta bagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian bagi program yang berasaskan Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB).

3.0 PELAKSANAAN

3.1 Syarat Pelaksanaan Secara Dalam Talian

Syarat pelaksanaan secara dalam talian adalah seperti berikut:

- a. PB dan pelatih hendaklah mempunyai kemudahan dan capaian internet yang optimum di lokasi masing-masing;
- b. Mempunyai fasiliti dan kelengkapan peralatan teknologi digital; dan
- c. Pematuhan kepada panduan-panduan pelaksanaan berkaitan yang sedang berkuatkuasa.
- d. PB hendaklah membuat permohonan pelaksanaan PdP secara dalam talian menggunakan borang seperti di Lampiran 1. Kelulusan Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran (KPPK) adalah tertakluk kepada kesesuaian program.

3.2 Pendekatan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Secara Dalam Talian

Pendekatan pelaksanaan PdP secara dalam talian adalah seperti berikut:

- a. **Komponen pengetahuan (teori)** boleh dilaksanakan secara dalam talian bagi semua program;
- b. **Komponen prestasi (amali)** boleh dilaksanakan secara dalam talian sekiranya dapat memenuhi *Performance Criteria* dan *Assessment Criteria* (aspek yang melibatkan keselamatan, sikap dan aplikasi peralatan) yang ditetapkan di dalam NOSS. Sekiranya *Performance Criteria* dan *Assessment Criteria* tidak dapat dipenuhi secara dalam talian, komponen prestasi berkaitan hendaklah dilaksanakan secara fizikal. PB hendaklah mengemukakan cadangan pelaksanaan penilaian prestasi menggunakan borang Lampiran 2. Contoh pengisian Lampiran 2 adalah seperti di Lampiran 3;
- c. **Platform pembelajaran** hendaklah bersesuaian mengikut keupayaan dan kesediaan pelatih dan mudah diakses seperti *Google Classroom*, *Telegram*, *WhatsApp*, *EasyClass*, *Skype*, *Facebook*, *Instagram*, *Youtube*, *SnapChat* atau aplikasi lain yang bersesuaian secara atas talian;
- d. **Bahan pembelajaran** hendaklah disediakan dalam format yang sesuai seperti contoh berikut:
 - Rakaman video & audio
 - Persembahan berbentuk penceritaan
 - Animasi atau perisian web
 - Simulasi atau realiti maya
 - Syarahan dalam/luar kelas secara langsung
 - Kandungan interaktif

- e. **Alat bantuan mengajar dalam bentuk perisian** yang sesuai hendaklah digunakan seperti contoh berikut:
- Kahoot
 - Padlet
 - LMS (cth: forum, chatting, dsb)
 - Powtoon
 - Prezi
- f. **Medium penyimpanan bukti PdP secara digital** yang sesuai hendaklah digunakan seperti video, simpanan dalam talian (*online storage*, contohnya *Google Drive* dan *Cloud*), aplikasi dalam talian (contohnya *Telegram*, *Youtube* dan *Whatsapp*) dan lain-lain yang bersesuaian sebagai bukti pelaksanaan latihan. Walau bagaimanapun, simpanan dalam bentuk fizikal juga dibenarkan; dan
- g. **Pelatih yang tidak dapat mengikuti latihan dalam talian** atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, hendaklah dibantu untuk mendapatkan bahan pembelajaran yang diperlukan bagi menyelesaikan tugas/latihan dalam tempoh yang ditetapkan.

3.3 Kaedah Pelaksanaan Penilaian Kerja Kursus (PKK)

- a. Kaedah pelaksanaan PKK hendaklah merujuk kepada:
- Panduan Pelaksanaan Latihan Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) berasaskan Kod Amalan Pentauliah Program TVET (*Code of Practice TVET Program Accreditation - COPTPA*) yang sedang berkuatkuasa bagi program penuh; atau
 - Panduan Pelaksanaan dan Penilaian Program Micro Credential Melalui Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) bagi program *Micro Credential*.
 - Panduan Persijilan Program Standard Keterampilan Kebangsaan (SKK) / National Competency Standard (NCS) Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) bagi program *National Competency Standard (NCS)*.
- b. Pembangunan soalan hendaklah merujuk kepada Panduan Pembangunan Soalan Latihan Kemahiran yang sedang berkuatkuasa.

- c. PB hendaklah memastikan pelatih menyelesaikan penilaian kerja kursus bagi setiap WA/CU dan mengumpulkan bukti-bukti ketrampilan tersebut di dalam Rekod Bukti Pencapaian (RBP-portfolio) pelatih yang disediakan sama ada secara fizikal atau digital.

3.4 Kaedah Pelaksanaan Penilaian Akhir (PA)

- a. Kaedah pelaksanaan PA hendaklah merujuk kepada:
 - Panduan Pelaksanaan Latihan Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) berasaskan Kod Amalan Pentauliahan Program TVET (Code of Practice TVET Program Accreditation - COPTPA) yang sedang berkuatkuasa bagi program penuh; atau
 - Panduan Pelaksanaan dan Penilaian Program Micro Credential Melalui Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) bagi program *Micro Credential*.
- b. Pembangunan soalan hendaklah merujuk kepada Panduan Pembangunan Soalan Latihan Kemahiran yang sedang berkuatkuasa.

3.5 Kaedah Pelaksanaan Latihan Industri (LI) dan Projek Akhir

- a. Kaedah pelaksanaan LI hendaklah merujuk kepada:
 - Manual Latihan Industri (SKM 3, DKM dan DLKM) Pelaksanaan Latihan Dan Penilaian Dibawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) Berasaskan Kod Amalan Pentauliahan Program TVET Berasaskan *Code Of Practice For TVET Program Accreditation* (COPTPA) bagi LI; atau
- b. Kaedah pelaksanaan Projek Akhir hendaklah merujuk kepada:
 - Panduan Pembangunan Projek Akhir Bagi Program Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Kaedah Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Berasaskan *Code Of Practice For TVET Program Accreditation* (COPTPA) bagi PTA.

4.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Peranan dan tanggungjawab personel pentauliah dan pelatih yang terlibat dalam pelaksanaan PdP secara dalam talian adalah seperti berikut:

4.1 Pengurus Pusat Bertauliah (PPB)

- a. Memastikan syarat pelaksanaan secara dalam talian seperti perkara 3.1 dipatuhi;
- b. Memastikan perancangan latihan dilaksanakan dengan teratur, lancar dan berkesan;
- c. Mengatur jadual latihan mengikut kesesuaian program yang dijalankan;
- d. Memastikan kesediaan kemudahan pautan dan capaian internet pada tahap optimum.

4.2 Pegawai Penilai (PP), Pegawai Pengesah Dalaman (PPD)

- a. Merancang, menyedia dan menyampaikan latihan mengikut medium yang bersesuaian bagi melengkapkan keperluan program;
- b. Memastikan latihan dan penilaian yang dirancang dan dilaksanakan adalah bersesuaian dan dapat mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan;
- c. Merekod semua latihan yang dijalankan dan disimpan dalam bentuk fizikal atau digital seperti video, simpanan dalam talian (*online storage*, contohnya *Google Drive* dan *Cloud*), aplikasi dalam talian (contohnya *Telegram*, *Youtube* dan *Whatsapp*) dan lain-lain yang bersesuaian sebagai bukti pelaksanaan latihan dan penilaian serta semakan semasa lawatan verifikasi Pegawai Pengesah Luaran (PPL);
- d. Merekod kehadiran pelatih sama ada secara fizikal atau digital menggunakan platform atau apa-apa aplikasi yang bersesuaian seperti *Google Forms*, *Google Classroom* dan lain-lain;
- e. Menilai kefahaman pelatih merujuk kepada dokumen penilaian yang telah disediakan dengan menggunakan komunikasi dan aplikasi yang mudah diakses oleh pelatih. Dokumen dan bukti penilaian ini hendaklah disimpan bagi tujuan pemarkahan serta perekodan dalam rekod penilaian (portfolio) pelatih secara digital; dan
- f. Membimbing pelatih menggunakan medium komunikasi dan aplikasi yang boleh diakses oleh pelatih.

4.3 Pelatih

- a. Mengikuti latihan dan penilaian menggunakan medium komunikasi dan aplikasi yang ditetapkan oleh PP/PPD. Peralatan dan saluran komunikasi seperti telefon dan internet hendaklah disediakan oleh pelatih sendiri;
- b. Melaksanakan tugas dan penilaian yang telah ditetapkan oleh PP/PPD dan menghantar dokumen tersebut melalui platform yang telah ditetapkan; dan
- c. Mengumpul dan menyimpan bukti-bukti ketrampilan yang telah dilaksanakan di dalam Rekod Bukti Pencapaian yang disediakan secara fizikal atau digital.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Garis panduan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) ini mula berkuatkuasa pada **01 Jun 2022** dan **membatalkan Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian yang berkuatkuasa 13 Januari 2021.**

**Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia**

01 JUN 2022